

**FELDA GLOBAL VENTURES**

**NAJIBRAZAK.COM**

**June 10, 2017**

Syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sejak Jun 2012.

Ini bermakna FGV adalah syarikat senaraian awam.

Namun begitu, jika dilihat dari strukturnya dan tanggungjawab kita sebagai kerajaan, hakikatnya kerajaan tetap mempunyai kepentingan dan fokus yang tinggi dalam FGV yang juga berkait rapat dengan kebajikan dan pendapatan peneroka FELDA.

Bertolak kepada isu dalam FGV yang kita lihat pada hari ini, ingin saya tegaskan bahawa kita wajib berpegang teguh kepada 3 prinsip penyelesaian. Pertama, undang-undang negara serta prosedur syarikat perlu dipatuhi. Kedua, ia perlulah selaras dengan prinsip urus tadbir yang baik dan yang ketiga, dalam mencari jawapan dan mencapai keputusan muktamad untuk isu ini, ia haruslah melalui proses yang adil.

Kerajaan telah mengambil langkah melantik Dato' Sri Idris Jala untuk menjalankan satu siasatan yang rapi dengan berpandukan kepada tiga prinsip yang telah saya senaraikan. Keputusan pelantikan ini dibuat setelah berunding dengan Tan Sri Isa Samad, Pengerusi FGV, dan Tan Sri Shahrir Samad, Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Siasatan ini akan dilaksanakan serta merta bagi mengenal pasti fakta-fakta yang tepat dan akhirnya dapat digunakan untuk kita mencapai satu keputusan dan penyelesaian kepada isu ini.

Kerajaan berhasrat untuk melihat keadaan di FGV pulih secepat mungkin, Insya-Allah dalam bulan Ramadan ini juga. Kita tidak mahu ada apa-apa masalah lagi yang boleh memudaratkan keadaan lantas membawa kesan negatif kepada FGV serta peneroka FELDA.

Kita mahu menjadikan FGV ini sebagai satu badan korporat yang bernilai tinggi dengan pendapatan yang besar serta nilai saham yang jauh lebih tinggi lagi. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan sedang berunding dan bekerja rapat dengan Tan Sri Shahrir Samad bagi menentukan perancangan masa depan FGV.

Insya-Allah, FGV akan pulih tidak lama lagi.

**©2017 Copyright Reserved NajibRazak.com, Blog, Featured Articles**

Source: <https://www.najibrazak.com/bm/blog/felda-global-ventures/>